



BADMINTON SUKAN ANTARA FAKULTI UiTM

1.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SAF) Universiti Teknologi MARA.
- 1.2 Kecuali apa yang tersebut di dalam peraturan yang menguasai pertandingan ini, maka Undang-undang Persekutuan Badminton Antarabangsa (BWF) hendaklah diikuti.

2.0 FORMAT PERTANDINGAN

- 2.1 Pertandingan akan dijalankan secara berpasukan campuran (L & W)
- 2.2 Pusingan awal akan dijalankan secara liga dalam kumpulan.
Untuk pusingan kedua dan seterusnya akan diundi semula dan dijalankan secara kalah mati.
- 2.3 Tiada perlawanan untuk tempat ketiga dan keempat. Kedua-dua pihak terus diisytiharkan sebagai pemenang tempat ketiga bersama.
- 2.4 Jumlah pendaftaran bagi atlet lelaki adalah sebanyak 7 orang dan atlet wanita sebanyak 4 orang.
- 2.5 Seorang pemain hanya dibenarkan bermain dalam satu acara sahaja.
- 2.6 Pemain yang tidak mendaftar namanya di dalam Sistem Pengurusan Kejohanan Sukan (SCMS) tidak dibenarkan mengambil bahagian.
- 2.7 Pertukaran pemain pada hari kejohanan adalah tidak dibenarkan.
- 2.8 Senarai nama pemain mengikut susunan acara hendaklah diserahkan kepada urusetia 15 minit sebelum pertandingan dimulakan
- 2.9 Sebarang gantian tidak dibenarkan selepas penghantaran borang susunan pemain dan sebaik perlawanan dimulakan.
- 2.10 Untuk pusingan awal hingga suku akhir, penggunaan system pengiraan adalah 30 mata dan peringkat separuh akhir dan akhir akan menggunakan kiraan 21 mata (Rally Point)

3.0 PAKAIAN

Tiap-tiap pemain/pasukan hendaklah memakai pakaian seragam atau yang bersesuaian dengan Sukan Badminton

4.0 PERALATAN

Bulu tangkis dan kelengkapan sukan yang ditetapkan oleh Ahli Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.

5.0 CARA MEMUTUSKAN PERTANDINGAN

- 5.1 Mengikut Undang-undang Persekutuan Badminton Antarabangsa (BWF)
- 5.2 Segala keputusan pengadil adalah muktamad

6.0 SUSUNAN PERLAWANAN (TIE) ADALAH SEPERTI BERIKUT

- 6.1 Perseorangan Lelaki
Perseorangan Wanita
Bergu Lelaki Pertama
Bergu Wanita
Bergu Lelaki Kedua

7.0 UNDIAN

Undian untuk perlawanan akan dibuat semasa mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.

8.0 PENGADIL

- 8.1 Pemain-pemain daripada kedua-dua pasukan diminta menyediakan 2 hakim garisan sementara pengadil akan disediakan oleh pihak penganjur.
- 8.2 Jika berlaku sebarang pertelingkahan, pasukan-pasukan yang terlibat dikehendaki merujuk kepada Pengadil Kehormat dan keputusan beliau di atas perkara berkaitan dengan Undang-undang Badminton dan lain-lain hal adalah muktamad.

9.0 MELAPOR DIRI /KELEWATAN

- 9.1 Semua pemain hendaklah melaporkan diri kepada Pengadil Kehormat setelah namanya diumumkan untuk bermain.
- 9.2 Masa selama 5 minit sahaja diberikan kepada pemain yang lewat dan selepas itu lawannya akan diberikan kemenangan percuma dengan kiraan mata 30 – 0.

10.0 BANTAHAN

Sila rujuk Peraturan Am Sukan Antara Fakulti (SAF) Universiti Teknologi MARA

11.0 JURI RAYUAN

Sila Peraturan Am Sukan Antara Fakulti (SAF) Universiti Teknologi MARA

12.0 SISTEM PERTANDINGAN

Sila rujuk Peraturan Am Sukan Antara Fakulti (SAF) Universiti Teknologi MARA

13.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan am ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SAF) Universiti Teknologi MARA yang berkenaan dan keputusannya adalah muktamad.